



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



SIARAN AKHBAR

PERANGKAAN PENTING, MALAYSIA, 2014

PENGENALAN

Penerbitan Perangkaan Penting Malaysia, 2014 mengandungi maklumat kelahiran dan kematian yang merangkumi pelbagai indikator demografi. Perangkaan penting merupakan salah satu input utama dalam merangka perancangan dan pembentukan dasar negara yang meliputi pelbagai sektor seperti kesihatan, pendidikan, ekonomi dan sosial. Perangkaan ini juga digunakan bagi menjana asas pengukuran demografi seperti trend populasi, fertiliti dan mortaliti serta menjadi pengukur pencapaian pelan pembangunan yang telah dijalankan. Data kelahiran dan kematian bagi tahun 2013 merupakan angka yang muktamad manakala data bagi tahun 2014 merupakan angka awalan yang tidak mengambil kira pendaftaran lewat.

PERANGKAAN PENTING

Sejumlah 511,865 kelahiran hidup dicatatkan pada 2014, menunjukkan peningkatan sebanyak 1.6 peratus berbanding 503,914 pada 2013. Kadar kelahiran kasar tidak berubah pada kadar 16.7 bagi setiap 1,000 penduduk pada tempoh yang sama. Kadar kesuburan jumlah tidak berubah iaitu pada 2.0 kelahiran bagi setiap perempuan berumur 15–49 tahun bagi tempoh yang sama di mana masih di bawah paras penggantian (2.1).

Sejumlah 145,648 kematian yang didaftarkan pada 2014, mencatatkan peningkatan sebanyak 3,446 (2.4%) berbanding 142,202 kematian yang didaftarkan pada 2013. Kadar kematian kasar meningkat daripada 4.7 kepada 4.8 bagi setiap 1,000 penduduk bagi tempoh yang sama. Secara keseluruhannya, dari tahun 2013 ke 2014, semua indikator kematian menunjukkan penurunan kecuali nisbah kematian ibu bersalin yang menunjukkan trend sebaliknya.

KELAHIRAN HIDUP

Kelahiran hidup mengikut jantungina

Sejumlah 503,914 kelahiran hidup telah didaftarkan pada 2013. Secara purata, sebanyak 1,400 kelahiran hidup dalam sehari iaitu 58 kelahiran hidup per jam atau seorang bayi per minit. Daripada jumlah kelahiran hidup yang didaftarkan pada tahun 2013, kelahiran lelaki dan perempuan masing-masing adalah sebanyak 260,725 dan 243,189. Sementara itu, bilangan kelahiran hidup bagi tahun 2014 adalah sebanyak 511,865 yang mana 264,396 lelaki dan 247,469 perempuan. Bagi kedua-dua tahun ini, bilangan kelahiran hidup bayi lelaki (52%) melebihi bayi perempuan (48%). Kadar kelahiran kasar bagi perempuan meningkat daripada 16.6 (2013) kepada 16.7 (2014) manakala kadar kelahiran kasar bagi lelaki tidak berubah pada kadar 16.7 bagi setiap 1,000 penduduk.

Kelahiran hidup mengikut kumpulan etnik

Bilangan kelahiran hidup bagi etnik Bumiputera dan Cina menunjukkan peningkatan dari tahun 2013 ke 2014. Sebaliknya, bilangan kelahiran hidup bagi etnik India dan Lain-lain menunjukkan penurunan bagi tempoh yang sama. Pada tahun 2014, 75.5 peratus kelahiran hidup adalah dari etnik Bumiputera diikuti Cina (14.0%), Lain-lain (6.0%) dan India (4.5%). Sementara itu, etnik Bumiputera mencatatkan kadar kelahiran kasar tertinggi iaitu 20.5 bagi setiap 1,000 penduduk diikuti oleh India (11.7), Cina (10.9) dan Lain-lain (9.6) (Jadual 1).

Jadual 1: Kelahiran hidup mengikut kumpulan etnik, Malaysia, 2013 dan 2014^P

| Tahun | Jumlah | Bumiputera | Cina | India | Lain-lain ¹ |
|-------------------|-----------------|-----------------|----------------|----------------|------------------------|
| 2013 | 503,914 16.7 | 378,366 20.4 | 69,561 10.6 | 24,378 12.4 | 31,609 10.1 |
| 2014 ^P | 511,865 16.7 | 386,544 20.5 | 71,646 10.9 | 23,188 11.7 | 30,487 9.6 |

^PAwalan

¹Termasuk bukan warganegara Malaysia

Kadar adalah bagi setiap 1,000 penduduk

KESUBURAN

Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik

Analisis menunjukkan kadar kesuburan jumlah berada di bawah paras penggantian iaitu tidak berubah pada kadar 2.0 bagi setiap perempuan berumur 15–49 tahun dari 2013 ke 2014. Kadar kesuburan menunjukkan penurunan bagi etnik India dan Lain-lain manakala etnik Bumiputera dan Cina tidak berubah pada kadar 2.6 dan 1.4 dalam tempoh yang sama. Pada 2014, kadar kesuburan bagi etnik Bumiputera adalah 2.6 bagi setiap perempuan berumur 15–49 tahun, di atas paras penggantian. Ini bererti purata 2.6 bayi dilahirkan bagi setiap wanita Bumiputera yang dalam lingkungan umur reproduktifnya (15–49 tahun). Sebaliknya, kadar kesuburan bagi etnik Cina dan India adalah sama iaitu pada kadar 1.4 dan Lain-lain pada kadar 0.9 bagi setiap perempuan berumur 15–49 tahun, di bawah paras penggantian (Carta 1).

Carta 1: Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Malaysia, 2013 dan 2014^P



^PAwalan

¹Termasuk bukan warganegara Malaysia

Kadar adalah bagi setiap perempuan berumur 15–49 tahun

KEMATIAN


Kematian mengikut jantina

Sejumlah 142,202 kematian telah didaftarkan pada tahun 2013 dengan secara puratanya 395 kematian setiap hari dan hampir 17 kematian setiap jam. Daripada jumlah kematian yang didaftarkan pada 2013, kematian lelaki dan perempuan masing-masing seramai 81,941 dan 60,261. Manakala bilangan kematian pada 2014 adalah 145,648 yang mana 83,862 lelaki dan 61,786 perempuan. Bagi kedua-dua tahun ini, bilangan kematian bagi lelaki melebihi perempuan iaitu 58.0 peratus berbanding 42.0 peratus. Kadar kematian kasar bagi perempuan meningkat daripada 4.1 (2013) kepada 4.2 (2014) sementara lelaki tidak berubah pada kadar 5.3 bagi setiap 1,000 penduduk.

Kematian mengikut kumpulan umur dan jantina

Bagi kedua-dua tahun 2013 dan 2014, piramid kematian penduduk menunjukkan bilangan kematian lelaki melebihi perempuan bagi setiap peringkat kumpulan umur kecuali bagi umur 80 tahun dan lebih. Bilangan kematian pada tahun 2014 melebihi bilangan kematian pada 2013 bagi kebanyakan peringkat kumpulan umur. Perempuan merekodkan bilangan kematian yang lebih tinggi berbanding lelaki pada umur 85 tahun dan ke atas (Carta 2).

Carta 2: Kematian mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 2013 dan 2014^P



Kematian mengikut kumpulan etnik

Bilangan kematian bagi kesemua kumpulan etnik menunjukkan peningkatan dari tahun 2013 ke 2014 kecuali bagi etnik Lain-lain. Bagi bilangan kematian yang didaftarkan pada tahun 2014, 61.9 peratus adalah etnik Bumiputera diikuti oleh Cina (26.6%), India (8.6%) dan Lain-lain (2.9%). Pada 2014, etnik India menunjukkan kadar kematian kasar tertinggi iaitu 6.3 diikuti oleh etnik Cina pada kadar 5.9 dan Bumiputera 4.8, manakala etnik Lain-lain menunjukkan kadar terendah iaitu 1.3 bagi setiap 1,000 penduduk (Jadual 2).

Jadual 2: Kematian mengikut kumpulan etnik, Malaysia, 2013 dan 2014^P

| Tahun | Jumlah | Bumiputera | Cina | India | Lain-lain ¹ |
|-------------------|----------------|---------------|---------------|---------------|------------------------|
| 2013 | 142,202 4.7 | 88,113 4.8 | 37,418 5.7 | 12,465 6.3 | 4,206 1.3 |
| 2014 ^P | 145,648 4.8 | 90,188 4.8 | 38,778 5.9 | 12,525 6.3 | 4,157 1.3 |

^P Awalan

¹ Termasuk bukan warganegara Malaysia


Kadar adalah bagi setiap 1,000 penduduk

PERTAMBAHAN SEMULA JADI

Kadar pertambahan semula jadi kasar mengikut kumpulan etnik

Kadar pertambahan semula jadi kasar tidak berubah pada kadar 12.0 bagi setiap 1,000 penduduk dari tahun 2013 ke 2014. Etnik Bumiputera dan Cina menunjukkan peningkatan manakala India dan Lain-lain menunjukkan trend sebaliknya bagi tempoh yang sama. Pada 2014, etnik Bumiputera menunjukkan kadar pertambahan semula jadi tertinggi iaitu 15.7 bagi setiap 1,000 penduduk diikuti oleh etnik Lain-lain (8.3), India (5.4) dan Cina (5.0) (Carta 3).

Carta 3: Kadar pertambahan semula jadi kasar mengikut kumpulan etnik, Malaysia, 2013 dan 2014^P



^P Awalan

¹ Termasuk bukan warganegara Malaysia

KELAHIRAN MATI

Kelahiran mati mengikut jantina

Bilangan kelahiran mati menunjukkan peningkatan sebanyak 1.7 peratus daripada 2,188 (2013) kepada 2,226 (2014). Walau bagaimanapun, kadar kelahiran mati tidak berubah pada kadar 4.3 bagi setiap 1,000 kelahiran pada tempoh yang sama. Kadar kelahiran mati bagi lelaki meningkat daripada 4.5 (2013) kepada 4.7 (2014) manakala perempuan menurun daripada 4.1 (2013) kepada 3.9 (2014) bagi setiap 1,000 kelahiran. Bilangan dan kadar kelahiran mati bagi lelaki melebihi perempuan dalam tempoh ini.

Dikeluarkan Oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
31 Disember 2015**

Pegawai dihubungi:

Ho Mei Kei

Pegawai Perhubungan Awam

Bahagian Korporat & Khidmat Pengguna

Jabatan Perangkaan Malaysia

Tel : +603-8885 7942

Faks : +603-8888 9248

Emel : mkho@stats.gov.my